



Koperasi Tunas Muda  
Sungai Ara Berhad

KELUARAN September 2009

Bil. 12

UNTUK ANGGOTA SAHAJA

www.tunasmuda.com.my

# Buletin Tunas Muda

## DARI MEJA Pengerusi

*Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera*

Sempena bulan Ramadhan 1430 Hijrah saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Berpuasa dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua anggota koperasi yang beragama Islam dan diharap ibadah puasa tahun ini dapat dilaksana lebih baik berbanding tahun-tahun yang lepas. Sehubungan dengan itu saya mengharapkan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) dapat memacu hala tuju dalam menyelesaikan beberapa perkara penting untuk faedah anggota-anggota koperasi. Antara perkara-perkara penting ialah menyelesaikan pemberian peruntukkan rumah kepada semua anggota koperasi. Diikuti dengan cadangan pemberian peruntukkan rumah untuk anggota koperasi bagi pusingan yang kedua.

KTMSAB dalam masa yang sama akan sentiasa meningkatkan pendapatan melalui hasil sewaan bangunan, pajakan tanah dan pembangunan hartanah.

Dalam pembangunan hartanah, KTMSAB akan membina rumah kos rendah sebanyak 900 unit di Kampung Perlis, Sungai Tiram dan Pagar Buloh serta membangunkan tanah seluas 15 ekar di Bukit Ayon, usahasama dengan UDA (Urban Development Authority).

KTMSAB juga tidak lupadalam membangunkan modalinsandengan menganjurkan kursus-kursus yang bersesuaian untuk anggota dan keluarga anggota. Sebagai contohnya Jawatankuasa Pendidikan Dan Latihan telah berjaya menganjurkan kursus membuat kek

span dan kek coklat yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Dalam masa yang sama KTMSAB juga telah menghantar Ahli Jawatankuasa Kecil untuk mengikuti kursus-kursus yang bersesuaian dalam usaha memantapkan pengetahuan dan meningkatkan tahap perkhidmatan kepada anggota.

Perancangan-perancangan yang diatur hanya akan dapat dilaksanakan dengan jayanya sekiranya di kalangan anggota, Lembaga Pengarah dan pengurusan dapat bertindak dengan berkesan seperti yang telah dirancangkan.

Dengan disiplin, komitmen dan fokus terhadap tugas dan tanggungjawab ianya tidak mustahil dapat meningkatkan perolehan KTMSAB dan seterusnya meningkatkan keuntungan KTMSAB dan Subsidiari. Dalam masa yang sama KTMSAB tidak lupa untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi anggota dan ahli keluarga anggota serta membantu membangunkan masyarakat setempat contohnya Pusat Dialisis di kawasan Taman Tunas Damai Sungai Tiram Fasa 1 (usahasama KTMSAB dengan PUZ) yang akan beroperasi pada 1 Oktober 2009 yang akan dibuka untuk orang ramai.



>> Ir. Mansor Musa

>> Ahmad Jami Ghazali



Rumah contoh..  
Ir. Mansor Musa, Dr. Rahmad, En. Hidir bersama-sama memotong riben rumah contoh di Taman Tunas Idaman, Pagar Buloh.

## MAJLIS PELANCARAN RUMAH CONTOH IDAMAN IRIS DAN IDAMAN LAVENDER

>> oleh: Mohd Yusoff Ismail

Pada 1 Ogos 2009, Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) telah mengadakan satu majlis pelancaran rumah contoh di Taman Tunas Idaman untuk fasa 1A dan 1B di Pagar Buloh. Majlis gemilang itu telah dilancarkan oleh Pengerusi KTMSAB iaitu Ir. Mansor Musa dan diteruskan dengan lawatan bersama ke rumah contoh. Bagi Pangsapuri Idaman Iris dan Idaman Lavender, jumlah keseluruhan unit rumah yang disediakan masing-masing adalah 448 unit dan 176 unit. Menurut Eksekutif Jualan dan Pemasaran KTMSAB, Puan Norizan Abd Rahman berkata pembukaan jualan untuk pangsapuri tersebut telah mendapat sambutan yang

memberangsangkan di mana jualan Idaman Iris pada hari pelancaran tersebut telah mendapat tempahan sebanyak 312 unit manakala bagi Idaman Lavender pula mencecah 43 unit. Sehingga hari ini baki rumah yang masih dibuka untuk jualan ialah 73 unit untuk Idaman Iris dan 85 unit untuk Idaman Lavender. Harga rumah yang berpatutan juga sesuai dengan kemudahan yang bakal disediakan. Bagi sesiapa yang berminat rumah contoh tersebut masih dibuka untuk dikunjungi bermula jam 9 pagi sehingga 6 petang manakala pada hari Ahad pula bermula jam 10 pagi sehingga 4 petang.

## SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas,  
Maaf Zahir Batin*

Ir. Mansor Musa  
(Pengerusi)

Dr. Rahmad Zakaria  
(Setiausaha)

Zainol Abidin Ahmad  
(Bendahari)



# ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

>> oleh: Samira Osman

## Anggota Lembaga Bagi Tahun 2009/2010

1. Ir. Mansor bin Musa PKT., PJK (2176) - Pengerusi
2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari
4. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohammad (0946)
5. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
6. Tuan Haji Abdul Majid bin Makam PJM (0014)
7. Encik Mohd. Razib bin Arshad (1839)
8. Encik Mohd. Nagib bin Ahmad (1990)
9. Encik Yong Chin Foo (1726)
10. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
11. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)

## Jawatankuasa Audit Dalaman 2009/2010

1. Puan Hajjah Syarifah Chik binti Syed Abdullah (0090)
2. Encik Abdul Rahim bin Abdul Razak (2330)
3. Encik Razak bin Maidin (2127)
4. Encik Ibrahim bin Yahaya (2086)
5. Encik Rameli bin Budin (2693)

## Jawatankuasa Kerja (Exco) 2009/2010

1. Ir. Mansor bin Musa PKT., PJK (2176) - Pengerusi
2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari
4. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)
5. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohammad (0946)

## Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Sebutarga Tahun 2009/2010

1. Ir. Mansor bin Musa PKT., PJK (2176) - Pengerusi
2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) - Setiausaha
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Bendahari

## Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Tender Tahun 2009/2010

1. Ir. Mansor bin Musa PKT., PJK (2176) - Pengerusi
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)

## Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Peningkatan Perkhidmatan Kepada Anggota Tahun 2009/2010

1. Tuan Haji Abdul Majid bin Makam PJM. (0014) - Pengerusi
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Encik Johari bin Din (2673)
4. Tuan Haji Md. Hassan bin Zakaria (0011)
5. Encik Nadarajan a/l Muniandy (0807)
6. Encik Choo Choon Huah (1651)

## Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Perumahan Anggota Tahun 2009/2010

1. Ir. Mansor bin Musa PKT., PJK (2176) - Pengerusi
2. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
3. Encik Yong Chin Foo (1716)
4. Encik Sivananthan Pillay a/l Palani (2078)
5. Tuan Haji Abdul Aziz bin Yahaya (1064)

## Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Kawalan Bangunan Dan Pengusaha Di Atas Tanah KTMSAB Tahun 2009/2010

1. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) - Pengerusi
2. Tuan Haji Aboo Bakar bin Mohammad Yusoff (0639)
3. Encik Johari bin Din (2673)
4. Encik Hong Soo Yang (2046)
5. Encik Mohamad Noor bin Ishak (1372)

## Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Hutang Piutang Tahun 2009/2010

1. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) - Pengerusi
2. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
3. Encik Tan Seng Chong (2485)
4. Encik Sabri bin Abd. Rani (2652)
5. Tuan Haji Jamil bin Ishak (1803)

## Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Pembangunan Wanita Tahun 2009/2010

1. Puan Hayati binti Dato' Ismail - Pengerusi
2. Puan Zaini binti Taib (2185)
3. Puan Pauziah binti Ismail (2365)
4. Puan Pheh Ah Nya (1824)
5. Puan Che Sam binti Saiboo (2076)
6. Puan Siti Fatimah binti Mat (1942)
7. Puan Norsiah @ Noorah binti Bakar (2487)
8. Puan Mariani binti Mat Tasar (2587)

## Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Pendidikan Dan Latihan Tahun 2009/2010

1. Ir. Mansor bin Musa PKT., PJK (2176) - Pengerusi
2. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
3. Encik Adam bin Omar (2686)
4. Puan Mendarbi bin Mydeen Meerana (1328)
5. Puan Rosiah binti Yusoff (2536)

# PENDIDIKAN

>> oleh: Intan Zamzila Ahmad

## Program Latihan MKM Bagi Bulan **Oktober** Hingga **Disember** 2009

BIL	KOD/ NAMA KURSUS	SASARAN PESERTA	OBJEKTIF KURSUS	TARIKH/ TEMPOH KURSUS
1.	IDB 730 Industri Berasaskan Makanan Laut (Hasilan Surimi – Bebola Ikan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggota Lembaga Koperasi</li> <li>• Jawatankuasa Kecil Koperasi</li> <li>• Pegawai Jabatan / Agensi yang menyelia koperasi</li> <li>• Kakitangan Koperasi</li> </ul>	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. memberi pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi pemprosesan surimi dan hasil surimi.</li> <li>2. memahami fungsi setiap bahan mentah yang digunakan dan seterusnya dapat mengekalkan mutu hasil.</li> </ol>	05/10 – 09/10/2009 (5 hari)
2.	IDT 447 Penyelenggaraan PC	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ALK</li> <li>• Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi</li> <li>• Jawatankuasa Kecil Koperasi</li> <li>• Pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan yang menyelia koperasi</li> <li>• Kakitangan koperasi</li> </ul> <p><b>Pra Syarat:</b> Peserta telah mengikuti kursus Asas Komputer dan Aplikasi di MKM atau tempat lain yang berkaitan.</p>	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. mengenali jenis kerosakan, membaiki dan menyelenggarakan komputer</li> </ol>	12/10 – 14/10/2009 (3 hari)
3.	KEM 901 Kem Membina Kepimpinan Belia Koperasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggota Koperasi</li> <li>• Kakitangan Koperasi</li> </ul>	<p>Pada akhir kem ini, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. membina daya tahan fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran</li> <li>2. membina kemahiran kepimpinan.</li> </ol>	26/10 – 28/10/2009 (3 hari)
4.	IDC 805 Pengucapan Awam Berkesan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggota Lembaga Koperasi</li> <li>• Kakitangan Koperasi</li> <li>• Anggota Koperasi</li> </ul>	<p>Pada akhir kursus, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. meningkatkan keyakinan diri dalam Pengucapan Awam</li> <li>2. membangunkan kemahiran dan teknik Pengucapan Awam.</li> </ol>	09/11 – 12/11/2009 (4 hari)
5.	IDT 470 Aplikasi MS Excel dalam Pengurusan Data Koperasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggota Lembaga Koperasi</li> <li>• Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi</li> <li>• Jawatankuasa Kecil Koperasi</li> <li>• Pegawai Jabatan/ Agensi Kerajaan yang menyelia koperasi</li> <li>• Kakitangan koperasi</li> </ul> <p><b>Pra Syarat:</b> Peserta telah mengikuti kursus Asas Komputer dan Aplikasi serta kursus MS Excel (asas) di MKM atau tempat lain yang berkaitan.</p>	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. menggunakan perisian MS Excel untuk merekod dan menganalisis data koperasi dengan lebih berkesan.</li> </ol>	16/11 – 18/11/2009 (3 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Encik Mohd Yusoff untuk keterangan lanjut di talian 04-643 8515.

## SIDANG PENGARANG

**Ketua Pengarang** : Tuan Haji Mazlun B. Mustaffa  
**Pengarang & Grafik** : Encik Mohd Hilmi B. Rashid  
**Pemberita** : Encik Mohd Yusoff B. Ismail  
**Pemberita** : Encik Zahid B. Zahari  
**Pemberita** : Puan Samira Bt. Osman

**Pemberita** : Puan Zurinani Bt. Ishak  
**Pemberita** : Cik Intan Zamzila Bt. Ahmad  
**Pemberita** : Cik Syazwani Bt. Osman (Pelajar Praktikal)  
**Percetakan / Penedaran** : Puan Hajjah Che Maimunah Bt. Kassim  
**Jurugambar** : Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali

# INFO PEMBANGUNAN

>> oleh: Zahid Zahari



>> Ahmad Jasmi Ghazali

## PANGSAPURI SAUJANA DAMAI- CADANGAN PEMBINAAN 340 UNIT PANGSAPURI KOS SEDERHANA.

Kerja-kerja pembinaan bangunan 340 unit pangsapuri kos sederhana ini telahpun siap pembinaannya dan kesemua unit telah habis dijual. Kesemua jabatan atau pihak berkuasa tempatan yang berkaitan telah memberikan surat sokongan Sijil Layak Menduduki kecuali pihak Indah Water Konsortium / Jabatan Perkhidmatan Pembentungan kerana masih terdapat kekurangan teknikal bagi memulakan operasi Loji Kumbahan di skim perumahan tersebut. Walau bagaimanapun masalah ini akan dapat diselesaikan pada akhir bulan Ogos 2009. Sijil Layak Menduduki dijangka akan diperolehi pada bulan Oktober, 2009.

*Projek Dalam Pelaksanaan*



>> Ahmad Jasmi Ghazali

## 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA 10 TINGKAT (90 UNIT) -PANGSAPURI SERI NILAM

Tapak projek ini terletak di lokasi yang strategik, iaitu bertentangan dengan stadium tertutup PISA. Semua unit telah habis dijual dan kini di dalam proses mengemukakan permohonan kelulusan Sijil Layak Menduduki yang dijangka akan diperolehi pada bulan Oktober 2009.

*Projek Dalam Pelaksanaan*



>> Ahmad Jasmi Ghazali

## PROJEK PERUMAHAN FASA 1B - CADANGAN PEMBINAAN 2 BLOK TINGKAT, PANGSAPURI SEDERHANA 750 K PANGSAPURI IDAMAN

Pembangunan projek ini seluas lebih kurang 3.5 ini dirancang sedemikian tujuan, iaitu satu blok akan diperuntukkan satu blok (176 unit) la. Keseluruhan kerja-kerja akan dapat disiapkan Rumah contoh bagi dibuka pada 1 Ogo telahpun mencapai ta

# SANA SINI

>> oleh: Zurinani bhak



>> Ahmad Jasmi Ghazali

## Kursus Membuat Kek Di Flat Seri Delima

"Best lah...." ..seramai 35 anggota dan keluarga anggota menghadiri Kursus Membuat Kek Span dan Coklat pada 14 Jun 2009. Kursus ini bertujuan membekalkan kemahiran dan menarik minat golongan wanita untuk menceburi bidang ini sebagai sumber pendapatan sampingan.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

## Pelancaran Rumah Contoh Taman Tunas Idaman

"Syabas..." ..Pengerusi sedang memberi ucapan semasa Pelancaran Rumah Contoh Bagi Idaman Iris dan Idaman Lavender di Taman Tunas Idaman, Relau Pagar Buluh pada 1 Ogos 2009 dihadiri oleh barisan Lembaga Pengarah dan para tetamu.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

## Lawatan Sambil Belajar Koperasi Majlis Perbandaran Kuala Terengganu Berhad (Kosmat).

"Tengokkamerani..." ..pelawat dari KOSMAT yang terdiri daripada anggota Lembaga dan kakitangan melihat-lihat pembangunan projek yang dibina oleh Koperasi pada 10 Julai 2009.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

## Lawatan Ke Rumah Anak Yatim Pusat Nasyiatul Aisyiyah Balik Pulau

"Insaf...." ..pada 13 Ogos 2009, Lembaga Pengarah Sri Tunas Edar Sdn. Bhd serta anggota Lembaga Koperasi telah melawat ke rumah anak yatim Pusat Nasyiatul Aisyiyah di Balik Pulau untuk memberi sumbangan berbentuk wang dan makanan.



**AN RELAU  
GAN  
K 13  
PURI KOS  
P. (352 UNIT) -  
AN LAVENDER**

ini melibatkan tanah  
ekar. Skim perumahan  
kian rupa untuk dua  
mengandungi 176 unit  
tepada anggota dan  
gi adalah untuk jualan.  
a pembinaan dijangka  
pada Jun 2010.  
pangsapuri ini telah  
2009 dan penjualan  
hap 30 %.

*Projek Dalam Pelaksanaan*



>> Ahmad Jasmi Ghazali

**PROJEK PENEMPATAN  
SEMULA JALAN TENGAH  
FASA 7A**

Tapak cadangan pembangunan ini terletak di Jalan Tengah, Sungai Ara, Pulau Pinang dan berkeluasan lebih kurang 3 ekar. Tapak ini adalah merupakan sebahagian daripada projek Penempatan Semula Jalan Tengah. Keseluruhan projek ini dijangka akan siap pembinaanya pada Oktober, 2009.

*Projek Dalam Pelaksanaan*



>> Ahmad Jasmi Ghazali

**PROJEK PERUMAHAN  
RELAU FASA 1A –  
CADANGAN PEMBINAAN  
1 BLOK 19 TINGKAT, PANGSAPURI  
KOS SEDERHANA 850 K.P. (448 UNIT)  
- PANGSAPURI IDAMAN IRIS**

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 4 ekar. Kerja-kerja pembinaan akan mula dilaksanakan setelah jualan unit mencapai tahap 70%. Rumah contoh bagi pangsapuri ini telah dibuka pada 1 Ogos 2009 dan mendapat sambutan hangat kerana penjualan telahpun mencapai tahap 90 %.

*Projek Dalam Pelaksanaan*



>> Ahmad Jasmi Ghazali

**Hari Koperasi Negara Di  
Ipoh, Perak**

"*Tahniah...*"..Hari Koperasi Negara telah dilancarkan pada 18 Julai 2009 bertempat di Ipoh, Perak. Pengerusi telah menerima anugerah daripada Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yasin di atas pencapaian 10 koperasi terbaik di Malaysia.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

**Lawatan Koperasi  
Serbaguna Guru-guru  
Melayu Negeri Selangor  
Pada 31 Julai 2009**

"*Oh...macam tu...*" ..para peserta mendengar taklimat dan penerangan daripada Pengerusi mengenai pembangunan projek yang dijalankan.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

**Zakat 2008**

"*Zakat Perniagaan 2008 berjumlah RM737,205.00...*" ..Majlis Sumbangan berlangsung di Kompleks Tabung Haji Bayan Lepas pada 14 Ogos 2009. Majlis ini disempumakan oleh YB. Tuan Haji Shabudin B. Yahya (Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang).



>> Ahmad Jasmi Ghazali

**Lawatan Sambil Belajar  
Ke Kelantan**

"*Macamana buat ni...*" ...seramai 69 anggota dan kakitangan Koperasi telah melawat ke Kelantan pada 27 Feb 2009 sehingga 01 Mac 2009. Lawatan ini meliputi 4 buah Koperasi iaitu Koperasi JML (Jaafar Mek Limah Berhad), Koperasi

Guru Melayu Kelantan Berhad, Koperasi PERKIM Negeri Kelantan Berhad dan Koperasi Permodalan Kelantan Berhad. Peserta juga dibawa melawat industri pembuatan makanan seperti membuat mee, bihin serta laksam.

# Rangkaian Perniagaan

>> oleh: Zurhani Ishak

Ingin menikmati kelazatan kuih siput tradisional? Lanya betul-betul asli..

Untuk tempahan, hubungi Puan Rodhiah di talian 019-4116464 untuk maklumat lanjut.



>> Ahmad Jasmi Ghazali



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Pakej bagi wanita bersalin, urut bagi wanita bersalin, mandi bunga. Sila hubungi Puan Che Lian (Ina) di talian 016- 433 5574 untuk maklumat lanjut.

Kuah segera Pak Ya! Masak Merah, Masak Hitam, Masak Hijau dan Rendang. Untuk tempahan, hubungi Puan Zu, di talian 012-286 0304, Encik Zul (012- 448 9740) atau Pak Ya (012- 466 1929) untuk maklumat lanjut.



>> Ahmad Jasmi Ghazali



>> Ahmad Jasmi Ghazali

Makanan kesihatan. Untuk tempahan sila hubungi Encik Mohd Ibrahim Putih di talian 012- 485 1557 untuk maklumat lanjut.

Hamper Raya dalam pelbagai bentuk dan corak!. Harga mengikut tempahan. Sila hubungi Puan Mazira di talian 017-439 4511 untuk maklumat lanjut.



>> Ahmad Jasmi Ghazali




>> Ahmad Jasmi Ghazali

Awlard Bizz From Heaven, Gift Everyone can buy, menawarkan pelbagai pilihan pakaian kanak-kanak berjenama terkemuka. Kualiti baju yang bermutu pada harga yang berpatutan. Kami mengalukan pra tempahan dan belian secara online di [myawlardbizz.blogspot.com](http://myawlardbizz.blogspot.com) Hubungi Ernie Azura di talian 019- 473 2554 untuk maklumat lanjut.

Nikmatilah kerangapan tempeyek. Rasa sekali pasti nak lagi.

Untuk tempahan hubungi Encik. Rosli Rashid (Awie) di talian 017-418 1708 untuk maklumat lanjut.



>> Ahmad Jasmi Ghazali

## SUDUT IT

>> oleh: Syazwani Osman

### Tips Kenali Virus Komputer Yang Tulen

Teknologi maklumat (IT) atau pengkomputeran menjadi sebahagian kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Selari dengan perkembangannya, isu ancaman virus komputer juga berkembang pesat di dunia siber. Realitinya berlaku satu keadaan melibatkan perisian anti virus kita mengesan dan membersihkan virus yang dikesan tetapi dalam satu jangka masa ia akan berulang kembali. Jadi, bagaimana untuk kita pastikan adakah fail komputer tersebut adalah benar-benar virus atau ia disalah tafsir oleh perisian anti virus. Perkara tersebut sering berlaku terutama kepada pihak yang terlibat dalam menyelenggara fasiliti IT. Oleh demikian, disertakan beberapa langkah asas untuk kita memastikan fail komputer tersebut adalah benar-benar virus atau ia disalah tafsir oleh perisian anti virus atau pengimbas virus. Sekiranya berlaku pengulangan infeksi virus komputer, ini mungkin berlaku disebabkan oleh pengesanan semula malware yang tidak aktif yang telah dihantar kembali ke satu lokasi yang lain atau diletakkan kembali ke dalam direktori atau folder bagi System

Restore. Jadi, beberapa tindakan berikut perlu dilaksanakan seperti berikut:-

1. Buang semua fail dalam Temporary Internet Files dan Cookies.
2. Buang virus daripada servis System Restore.
3. Kosongkan direktori bagi Internet History

#### DARI MANA DATANGNYA FAIL TERSEBUT??

Ia boleh memberi makna yang penting dan pelbagai kerana asal-usul fail yang berisiko tinggi adalah berpunca daripada sumber-sumber berikut:-

- \*Sisipan fail dalam mesej e-mel.
- \*Fail yang dimuat turun daripada rangkaian perkongsian fail seperti BitTorrent.
- \*Fail yang dimuat turun secara tidak sengaja setelah mengklik sesuatu alamat sambungan dalam e-mel, web atau Instant Messenger.

# TIPS & INFO

>> oleh: Samira Osman



## Pulihkan Batuk

Batuk yang berterusan pasti menyeksa anda. Cubapulihkan batuk dengan air kelapa muda yang dicampurkan dengan beberapa ketul garam kasar. Minum berulang kali dan batuk akan hilang.



## Atasi Peluh Berbau

Peluyangberbaumembuatkan ramai yang akan menjauhi anda. Ambil segenggam daun jambu batu dan lima helai daun limau nipis. Bersihkan dan tumbuk halus. Gosok bahan yang ditumbuk pada badan sebelum mandi. Biarkan selama beberapa minit dan kemudian bersihkan.



## Ubat gigi cuci kotoran degil

Minumantehmenyebabkancawan kelihatan kekuningan. Bersihkannya dengan menggunakan ubat gigi. Cara ini menjadikan cawan kelihatan lebih bersih dan berkilat.



## Elak nasi basi

Nasi yang berlebihan sayang jika dibuang begitu sahaja. Bagi mengelakkan pembaziran, masukkan dua hingga tiga kuntum bunga cengkih bersama sedikit garam ketika nasi sedang mendidih. Cara ini dapat mengelakkan nasi daripada mudah basi.

# Khidmat Anggota

>> oleh: Samira Osman

- Anggota meninggal (Tidak aktif). Waris perlu mengambil tindakan segera untuk menguruskan pertukaran anggota.

## PERMOHONAN PERTUKARAN ANGGOTA BELUM DIKEMUKAKAN OLEH WARIS

Bil	No Ahli	Nama	Tarikh Mati
1	0038	BIDIN BIN HASHIM	14-7-2009
2	0159	CHE MAT @ CHE AMAT BIN DARUS	16-5-2009
3	0410	TAN TUAH PHOON	25-11-2006
4	0489	ARIFFIN BIN SHARIFF	15-1-2000
5	0499	AHMAD BIN MUHAMAD ISA	11-8-2007
6	0947	AHMAD BIN HAJI SAMAD	6-3-2008
7	1019	MEJAR (B) HAJI HAMID BIN BUDIN	27-9-2005
8	1039	HAMAD BIN DARUS	19-1-1998
9	1205	AHMAT BIN ABDUL HASSAN	4-8-1999
10	1226	T.R. RAMAN	13-3-1970
11	1285	ABDUL HAMID BIN SALLEH	17-11-1998

Bil	No Ahli	Nama	Tarikh Mati
12	1612	AHMAD BIN ZAKARIA	6-12-2005
13	1701	AMINAH BINTI DRANI	30-9-2008
14	1741	SITI AMINAH BINTI MAHMOOD	17-5-2004
15	1789	LOHALAR @ ZAHARIA BT.MAT	10-1-1998
16	1978	BANUM BT.MAT	15-3-2006
17	2132	TAN YEOK CHIN	31-3-2002
18	2190	MARIMUTHU A/P SINNAPPEN	22-10-2004
19	2376	RAHMAH BINTI MUSA	23-4-2009
20	2519	SAIMAH BT. HJ.MASRI	26-12-2004
21	2667	MARIAYE A/P THANDAVARAYAN	3-12-2007
22	2697	OTHMANN BIN IBRAMSA	24-7-2008

- Anggota yang mendapat rawatan perubatan dan penghospitalan di Hospital Kerajaan layak memilih wad Kelas Satu atau bilik seorang berhawa dingin. Elaun harian RM40.00 sehari akan dibayar.
- Anggota yang diminta memberi gambar berwarna, berukuran pasport dan juga yang masih belum memberi nombor akaun bank hendaklah mengambil tindakan dengan kadar segera.
- Sebarang perubahan alamat dan nombor telefon hendaklah dimaklumkan kepada Koperasi.

Sila hubungi unit keanggotaan untuk keterangan lanjut : **04-6438515 (Puan Norsidah / Cik Sazwani)**

Saguhati Perayaan sempena Hari Raya Aidilfitri dijangka akan diberikan kepada Anggota yang beragama Islam pada awal bulan September 2009

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

## POTONG DAN KEMUKAKAN KEPARA:-



Sefiausaha,  
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad  
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,  
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

## MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Pertukaran alamat surat menyurat saya adalah seperti berikut:-

Nama .....

No. Anggota .....

No. Kad Pengenalan .....

No.Telefon .....

Alamat Baru .....

Tandatangan .....

Tarikh .....



Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

**KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD**

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,  
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.  
Tel: 04-6438515 Fax: 04-6437507